

08 APR 2001

PATA-Jamuan

BUNGA API BERWARNA WARNI, SAMBUTAN HEBAT BAGI PERWAKILAN PATA

KUALA LUMPUR, 8 April (Bernama) -- Kira-kira 3,000 perwakilan diraikan dengan pertunjukan bunga api berwarna warni dan persembahan kebudayaan pelbagai kaum pada jamuan malam sempena persidangan tahunan ke-50 Persatuan Pengembaraan Asia Pasifik (PATA) di sini hari ini.

Jamuan malam itu yang diadakan di Esplanad Kuala Lumpur City Centre dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi merupakan tetamu kehormat. Yang turut hadir ialah Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Para perwakilan dijamu dengan pelbagai juadah popular Malaysia yang ditaja oleh hotel lima bintang terkemuka di Lembah Klang yang dihidangkan secara gerai.

Penari profesional dari Petronas, Dewan Bandaraya dan Istana Budaya mempersembahkan pertunjukan kebudayaan yang mencerminkan kebudayaan pelbagai etnik Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan persidangan PATA selama lima hari itu esok.

Ditubuhkan pada 1951, PATA dianggotai 44 negara dengan 2,000 keanggotaannya daripada sektor awam dan swasta public seperti penerbangan, lapangan terbang, kapal layar, hotel, universiti dan pengusaha hotel.

-- BERNAMA

LES NZ RHM